



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PENOLONG PEGAWAI PROJEK TINGKAT II (C.2 EB.3)
PEJABAT DAERAH TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENOLONG PEGAWAI PROJEK TINGKAT II
PEJABAT DAERAH TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding dalam bidang *Project Management* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Pejabat Daerah Temburong dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Mempunyai Lesen Memandu kelas 3 yang sah dan tidak mansuh.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengumpulkan data / maklumat dan menyediakan perangkaan (statistik) berkaitan dengan projek;
2. Menyediakan laporan dan kertas kerja yang berkaitan dengan projek;
3. Menyelaras dan menyediakan cadangan-cadangan projek Jabatan dan yang melibatkan Jabatan;
4. Menyemak bayaran-bayaran kemajuan kerja;



5. Menilai kedudukan-kedudukan projek dan membuat laporan;
6. Sebagai Ketua Unit Perkembangan dan Kemajuan Produk;
7. Meneliti dan membantu dalam penyediaan kertas kerja permohonan peruntukan kewangan bagi aktiviti dan perekonomian Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Temburong;
8. Memantau penggunaan peruntukan aktiviti dan perekonomian Majlis Perundingan Kampung;
9. Membantu menyalurkan maklumat daripada pihak Kementerian / Jabatan kepada Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung mengenai perkembangan terkini projek Satu Kampung Satu Produk (1K1P); dan
10. Menyediakan data / maklumat mengenai produk-produk 1K1P dan produk kampung yang dihasilkan oleh Majlis-Majlis Perundingan Kampung dan penduduk kampung.